



**AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001:  
PEKELILING NO. 1/2017**

**KUASA PENDAFTAR UNTUK MEMBATALKAN ENTITI PERNIAGAAN ATAS  
ALASAN TERTENTU**

---

Pekeliling ini dikeluarkan di bawah seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kuasa Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk membatalkan entiti perniagaan di bawah pengawalseliaan SSM yang didapati menyalahgunakan perniagaan dengan menggaji warga asing tanpa permit yang berkaitan atau membenarkan perniagaan yang didaftarkannya dijalankan oleh warga asing.

**LATAR BELAKANG**

2. Secara amnya, polisi berkaitan penggajian warga asing di Malaysia adalah bertujuan untuk pengisian kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor tertentu yang bersesuaian dengan hasrat Kerajaan. Namun begitu, terdapat segelintir entiti perniagaan yang mengambil peluang untuk mengaut keuntungan dengan menggaji pekerja yang tidak mempunyai permit atau tidak mempunyai permit yang dibenarkan untuk sektor

tersebut. Lebih malang lagi, terdapat entiti perniagaan yang membenarkan warga asing menjalankan perniagaan menggunakan sijil pendaftaran yang didaftarkan secara sah di SSM.

3. Walaupun pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Imigresen seringkali tegas dalam tindakan penguatkuasaan bagi mengawal kebanjiran warga asing dalam perniagaan namun masalah ini kini telah dianggap sebagai ancaman keselamatan terhadap negara terutamanya dari aspek ekonomi. Tambahan pula, penguatkuasaan peruntukan perundangan di bawah kawal selia SSM adalah terbatas kepada aduan yang diterima oleh SSM dari masa ke semasa dan bergantung kepada operasi penguatkuasaan dan pemantauan pemeriksaan lesen secara berkala yang telah dijadualkan.
4. Pada hakikatnya, jika perniagaan yang dijalankan oleh warga asing tidak dibendung dan dibiarkan berleluasa pastinya ia merupakan satu ancaman terhadap keselamatan ekonomi dan kepentingan negara.

## **FUNGSI SSM DALAM MENGAWAL SELIA ENTITI PERNIAGAAN**

5. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai badan yang mengawalselia entiti perniagaan mempunyai peranan untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (ASSM) yang berkaitan dipatuhi oleh entiti perniagaan tersebut.

6. Entiti perniagaan ditakrifkan di bawah seksyen 2 ASSM seperti berikut:  
“entiti perniagaan” ertinya –
  - (a) dalam hal Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], mana-mana pemilik tunggal atau perkongsian;
  - (b) dalam hal Akta Syarikat 1965 [Akta 125] (dimansuhkan menjadi Akta Syarikat 2016 [Akta 777]), syarikat, perbadanan atau syarikat asing;
  - (c) dalam hal Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743], perkongsian liabiliti terhad atau perkongsian liabiliti asing;’.

7. Oleh itu, suatu entiti perniagaan yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang di bawah kawal selia SSM boleh dikenakan tindakan undang-undang khususnya jika didapati entiti perniagaan itu menggaji warga asing tanpa permit yang berkaitan atau membenarkan perniagaan yang didaftarkannya dijalankan oleh warga asing.

**PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH KAWAL SELIA SSM BAGI MENGAWAL DAN MENGEKANG ENTITI PERNIAGAAN ITU MENGGAJI WARGA ASING TANPA PERMIT YANG BERKAITAN ATAU MEMBENARKAN PERNIAGAAN YANG DIDAFTARKANNYA DIJALANKAN OLEH WARGA ASING**

8. Kuasa perundangan yang ditadbir oleh SSM yang terpakai bagi mengawal dan mengekang entiti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing dalam keadaan tertentu adalah seperti berikut:

**(i) Akta Syarikat 2016**

Seksyen 549(c) Akta Syarikat 2016 menyatakan bahawa pendaftar boleh memotong sesuatu syarikat daripada daftar, jika syarikat itu digunakan bagi maksud menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjaskan atau bertentangan dengan keamanan, kebijakan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan di Malaysia.

**(ii) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956**

Seksyen 5C(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP) memperuntukkan bahawa di mana suatu perniagaan telah didaftarkan, Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran itu sekiranya Pendaftar berpuashati bahawa perniagaan itu digunakan bagi tujuan-tujuan yang memudaratkan kepada atau tidak bersesuaian dengan keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam atau prisip moral.

### **(iii) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**

Seksyen 51(1)(c) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT) memperuntukkan kuasa Pendaftar untuk memotong perkongsian liabiliti terhad daripada daftar jika Pendaftar mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa adalah menjaskankan kepentingan negara bagi perkongsian liabiliti terhad untuk berada dalam daftar.

9. Berdasarkan kerangka undang-undang yang sedia ada, SSM akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas entiti perniagaan yang menggaji warga asing tanpa permit yang berkaitan atau membenarkan perniagaan yang didaftarkannya dijalankan oleh warga asing. Dalam mengawal dan mengekang monopoli perniagaan yang dijalankan oleh warga asing tersebut, SSM boleh memotong atau membatalkan pendaftaran entiti, yang mana berkenaan, perniagaan tersebut jika pemilik entiti perniagaan tersebut didapati menyalahi undang-undang sepertimana yang diperuntukkan dalam undang-undang tersebut di atas.

## **KESIMPULAN**

10. Atas peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di perenggan 8, SSM akan mengambil tindakan tegas untuk membatal atau memotong suatu entiti perniagaan sekiranya SSM berpuas hati bahawa entiti perniagaan tersebut didapati bersalah berdasarkan pembuktian di bawah peruntukan-peruntukan Akta-Akta berkaitan sebelum SSM boleh membatalkan entiti perniagaan berkenaan yang telah digunakan bagi tujuan-tujuan yang memudaratkan atau tidak bersesuaian dengan keselamatan ekonomi dan kepentingan negara.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
10 JULAI 2017**